

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [ TAMPIN ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah mereka yang terlibat kes rasuah bagi tahun 2020, dan apakah Tindakan yang lebih mendasar dan konkrit yang dilakukan oleh Kerajaan dalam membasmi rasuah

**JAWAPAN**

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tahun 2020 iaitu sehingga September, SPRM telah membuka 706 Kertas Siasatan yang mana melibatkan tangkapan sebanyak 749.

Sesungguhnya, keseriusan Kerajaan dalam membanteras rasuah telah diterjemahkan melalui pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023. Ini bertujuan meningkatkan kecekapan dan ketelusan pengurusan Kerajaan berteraskan prinsip governans, integriti dan antirasuah. Sehingga 31 Mei 2020, sebanyak 29 inisiatif di bawah 6 strategi pelaksanaan NACP berkenaan telah selesai dilaksanakan iaitu:-

- |     |                         |   |    |           |
|-----|-------------------------|---|----|-----------|
| i)  | Tadbir Urus Politik     | : | 13 | Inisiatif |
| ii) | Pentadbiran Sektor Awam | : | 3  | Inisiatif |

iii)	Perolehan Awam	:	4	Inisiatif
iv)	Perundangan/Kehakiman	:	1	Inisiatif
v)	Penguatkuasaan Undang-Undang	:	5	Inisiatif
vi)	Tadbir Urus Korporat	:	3	Inisiatif

SPRM sebagai sebuah agensi pencegahan rasuah di negara ini mendukung NACP dan dipertanggungjawabkan sebagai peneraju bagi 11 inisiatif NACP serta memberi sokongan (*supporting role*) kepada 22 inisiatif yang lain. Sehingga ke hari ini, masyarakat dapat menyaksikan SPRM begitu agresif mengekang rasuah di negara ini. Tindakan ini merangkumi tangkapan dan pendakwaan yang membawa tertuduh ke muka pengadilan. Beberapa kes salahguna kuasa yang menyebabkan ketirisan dalam pengurusan dana rakyat telah disiasat dan dituduh. Tindakan agresif SPRM ini dalam membendung rasuah sedikit sebanyak membantu Malaysia dalam memperbaiki reputasi dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2019. Malaysia melonjak ke tangga 51 berbanding di kedudukan ke-61 pada 2018, selain mencatatkan peningkatan skor kepada 53 mata.

Semua pendekatan dan usaha ke arah membanteras amalan rasuah dan salah guna kuasa akan diberikan penekanan oleh Kerajaan melalui dasar-dasar yang telah dipersetujui seperti yang dinyatakan dalam inisiatif NACP. Ini termasuk inisiatif yang terbentuk berasaskan laporan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui pernyataan *United Nations Convention against Corruption* (UNCAC). NACP dibuat dengan mengambil kira piawaian laporan antarabangsa PBB melalui UNCAC. Namun, perkara-perkara yang telah dirangka tidak mengabaikan piawaian daripada konteks amalan tempatan yang lebih bersifat praktikal dan mampu mengatasi pencapaian berdasarkan piawaian di peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.